

PESALAH MUDA DALAM KES JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA: KAJIAN KE ATAS HAD UMUR PESALAH SERTA HUKUMAN BERSIFAT PEMULIHAN DARI PERSPEKTIF PRINSIP SYARIAH

Mohd Abu Hassan Abdullah
Pegawai Syariah,
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah.

Prof. Madya Dr. Ahmad 'Azam Mohd Shariff
Pensyarah, Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamad Azhan Yahya
Pensyarah, Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abstrak

Menurut statistik kes jenayah syariah di Malaysia, kesalahan jenayah syariah turut dilakukan oleh golongan suspek yang berada dalam lingkungan umur yang muda. Suspek sebegini, sekiranya disabitkan atas kesalahan yang dipertuduhkan oleh mahkamah syariah, adalah dianggap sebagai pesalah kanak-kanak menurut syariah. Seksyen 2, Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) pula menamakan mereka sebagai pesalah muda. Pesalah-pesalah muda yang disabitkan ini akan dihukum dengan hukuman sebagaimana yang telah diperuntukkan oleh akta atau enakmen syariah di Malaysia. Justeru, kajian ini menjurus kepada isu had umur yang ditetapkan bagi pesalah muda dari perspektif prinsip syariah serta bagaimana prinsip had umur tersebut diaplisasikan dalam konteks dan kerangka peruntukan akta atau enakmen syariah. Kajian ini turut meneliti isu kesesuaian hukuman ke atas pesalah muda sebagaimana yang ditetapkan oleh prinsip syariah. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian empirikal yang dikupas dalam kerangka kualitatif. Metodologi kajian perpustakaan digunakan yang mana metodologi-metodologi analisis kandungan dan analisis kritis dilaksanakan ke atas buku, artikel serta laporan kes dari jurnal berkaitan isu had umur pesalah muda dan hukuman alternatif dari perspektif prinsip Syariah. Penyelidik turut menggunakan kaedah temubual dengan menemubual para responden yang relevan bagi memperkuatkannya dapatan kajian. Hasil kajian mendapatkan ketiadaan penyelarasan mahupun penyeragaman dalam isu penetapan had umur pesalah muda antara prinsip syariah dan peruntukan undang-undang syariah di negara ini. Kajian turut mendapatkan ketiadaan penyelarasan dan penyeragaman dalam isu hukuman alternatif yang boleh dianggap setimpal dan bersesuaian untuk dikenakan ke atas pesalah muda yang disabitkan. Akhirnya kajian mencadangkan agar kedua-dua prinsip syariah dan peruntukan undang-undang syariah negara diselaraskan serta diseragamkan dalam isu penetapan had umur serta hukuman alternatif yang setimpal lagi bersesuaian bagi pesalah muda. Ini penting dalam memastikan hukuman yang bakal dikenakan bersifat retributif dan rehabilitatif.

Kata kunci: Pesalah muda; prinsip syariah; kes jenayah syariah; hukuman alternatif; pemulihan

1. PENGENALAN

Kesalahan jenayah syariah turut dilakukan oleh golongan suspek yang berada dalam lingkungan umur yang muda. Suspek sebegini, sekiranya disabitkan atas kesalahan yang dipertuduhkan oleh mahkamah syariah, adalah dianggap sebagai pesalah kanak-kanak di sisi prinsip syariah. Walau bagaimanapun, perundangan syariah di Malaysia sama ada Akta, Enakmen mahupun Ordinan syariah pula menamakan mereka sebagai pesalah muda. Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 telah mentafsirkan pesalah muda ertiinya seseorang pesalah yang berumur lebih daripada sepuluh tahun dan kurang daripada enam belas tahun.¹ Pentafsiran yang sama juga dinyatakan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Terengganu) 2001² dan begitu juga dengan Ordinan Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sarawak) 2001.³

Setelah negeri Kedah dan Perlis membuat pindaan ke atas Enakmen Tatacara Jenayah Syariah masing-masing, tafsiran pesalah muda di mahkamah syariah telah diseragamkan seperti negeri-negeri lain.⁴ Sebelum pindaan dibuat, perundangan di negeri Kedah dan Perlis mempunyai penafsiran berbeza dengan negeri lain. Negeri Perlis satu-satunya negeri yang menggunakan istilah “remaja” dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Mereka dan mentakrifkan sebagai seorang laki-laki atau perempuan yang berumur di bawah 18 tahun, manakala negeri Kedah pula tidak memperuntukkan definisi pesalah muda atau remaja.⁵

Kesalahan yang seringkali melibatkan pesalah muda di mahkamah syariah tertumpu kepada kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan seperti khalwat, perbuatan tidak sopan di tempat awam serta juga terdapat kes-kes yang melibatkan orang lelaki berlagak seperti perempuan, persetubuhan luar nikah dan hamil luar nikah. Data di bawah adalah contoh hasil analisis kes-kes pendakwaan yang melibatkan pesalah muda di negeri Terengganu selama 5 tahun bermula tahun 2012 hingga 2016.

Jadual 1 Statistik Kes Pesalah Muda di Negeri Terengganu dari 2012 hingga 2016:

Jenis-Jenis Kesalahan/Tahun	2012	2013	2014	2015	2016
Khalwat	29	21	36	13	7
Persediaan Untuk Melakukan					
Persetubuhan di Luar Nikah	3	0	4	0	3
Orang Lelaki Berlagak Seperti					
Perempuan	1	0	0	0	0

¹ Akta 560, Seksyen 2 Tafsiran.

² Enakmen 5 Tahun 2001, Seksyen 2, Tafsiran.

³ Ordinan 46 Tahun 2001, Seksyen 2, Tafsiran.

⁴ Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 2014 dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Perlis) 2006, Seksyen 2, Tafsiran.

⁵ Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof, *Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia*, KANUN Jurnal Undang-Undang Malaysia, (Jun 2012), 24 KANUN (1), hlm 4.

Sumber: Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu.
(Sehingga 13 Disember 2016)

Pesalah-pesalah muda yang disabitkan ini akan dihukum dengan hukuman sebagaimana yang telah diperuntukkan oleh undang-undang tatacara jenayah syariah seperti yang terkandung dalam Seksyen 128 Akta 560 iaitu:.

- (1) Apabila mana-mana pesalah muda disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman denda atau pemerjaraan, Mahkamah itu hendaklah, sebagai ganti apa-apa tempoh pemerjaraan kerana keingkaran membayar denda atau hukuman pemerjaraan-
 - (a) Memerintahkan pesalah itu dilepaskan selepas teguran wajar diberikan jika difikirkan patut oleh Mahkamah; atau
 - (b) Memerintahkan pesalah itu diserahkan kepada ibu atau bapa atau penjaganya atau saudara dewasanya yang terdekat atau kepada mana-mana orang lain, sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah, apabila ibu dan bapa, penjaga, waris atau orang lain itu menyempurnakan bon dengan penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh Mahkamah, bahawa dia akan bertanggungjawab bagi kelakuan baik pesalah itu selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan atau, tanpa menghendaki mana-mana orang mengikat apa-apa bon, membuat suatu perintah berkenaan dengan pesalah itu yang memerintahkannya supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan mengandungi apa-apa arahan kepada pesalah itu mengikut jenis syarat-syarat yang disebut dalam perenggan 130(a), (b) dan (c) yang difikirkan oleh Mahkamah itu patut diberikan.
- (2) Mahkamah yang di hadapannya seorang pesalah muda disabitkan boleh, sebagai tambahan atau sebagai ganti menghukum pesalah itu mengikut cara yang diperuntukkan dalam seksyen ini, mengenakan ke atas ibu dan bapa atau penjaganya denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit dalam mana-mana kes yang Mahkamah itu, selepas siasatan ringkas, berpuas hati bahawa ibu atau bapa atau penjaga itu telah, dengan sebab mereka cuai dalam menjaganya dengan sepatutnya atau selainnya, menyumbang kepada salah laku pesalah itu:

Dengan syarat bahawa tiada ibu atau bapa atau penjaga boleh didenda tanpa dia diberi peluang untuk didengar dan, jika dia berhasrat demikian, mengemukakan keterangan untuk membela dirinya

2. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian empirikal yang dikupas dalam kerangka kualitatif. Metodologi kajian perpustakaan digunakan yang mana metodologi-metodologi analisis kandungan dan analisis kritis dilaksanakan ke atas segala buku, artikel serta laporan kes dari jurnal berkaitan isu had umur pesalah muda dan hukuman alternatif dari perspektif prinsip syariah. Penyelidik turut menggunakan kaedah temubual dengan menemubual para responden yang relevan bagi memperkuuhkan dapatan kajian.

3. PESALAH MUDA DALAM KES JENAYAH SYARIAH: HAD UMUR MENURUT PRINSIP SYARIAH SERTA PENGAPLIKASINYA DALAM KONTEKS DAN KERANGKA PERUNDANGAN SYARIAH MALAYSIA.

Menurut prinsip syariah, istilah yang diguna pakai adalah pesalah kanak-kanak bukannya pesalah muda. Dalam perundangan syariah, konsep *mumaiyiz* serta *baligh* dititikberatkan dalam penafsirannya serta kaitannya dengan unsur-unsur tanggungjawab jenayah. Daripada kenyataan tersebut, dapat dirumuskan bahawa, dalam perundangan Islam, elemen *mumaiyiz* dan *baligh* tidak boleh dipisahkan dalam perlaksanaan hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan. Maka, di sini menunjukkan ketelitian perundangan Islam dalam pelaksanaannya, bagi menggambarkan kesyumulannya.

Para fuqaha' menggunakan perkataan *tamyiz* atau *mumaiyiz* hanya bagi kanak-kanak-kanak sahaja. Bagi orang dewasa, iaitu setelah *baligh*, dia tidak lagi dinamai *mumaiyiz*, tetapi dinamai "orang yang berakal" ('*aqil*) untuk menunjukkan bahawa dia sudah mencapai tahap *tamyiz* yang sempurna atau mempunyai "akal fikiran yang sempurna atau matang" ('*aql kamil*), di samping pertumbuhan fizikalnya juga sempurna. *Tamyiz* yang digunakan pada kanak-kanak tidak bermaksud sudah berakal dengan sempurna, tetapi hanya boleh berfikir dan membezakan antara perkara yang buruk dengan yang baik.⁶

Abdul Basir bin Mohamad⁷ menyatakan maksud juvana dalam undang-undang Islam dibahagikan kepada dua peringkat utama iaitu sebelum *mumayyiz* dan *mumayyiz*. Beliau menjelaskan bahawa di peringkat sebelum *mumayyiz* kanak-kanak tidak dipertanggungjawabkan tindakan salahnya kerana belum lagi mempunyai *idrak* (keupayaan memahami) dan *ikhtiar* (kemampuan membuat pilihan) kerana dua unsur ini asas kepada tanggungjawab jenayah dalam undang-undang Islam. Manakala di peringkat *mumayyiz* dengan pendapat terkuat di kalangan para ulama yang berdasarkan nas hadis menyuruh ibubapa mengajar anak-anak cara bersembahyang ketika umur tujuh tahun. Peringkat *mumayyiz* ini dikira genap tujuh tahun sehingga mencapai umur *baligh* kerana apabila dikira *mumayyiz* sudah ada pada dirinya sifat *tamyiz* seperti berkeupayaan memahami pertanyaan dan juga berkeupayaan menjawab.

Undang-undang Islam dari awal lagi menetapkan kematangan kanak-kanak pada tahap umur tertentu untuk ditaklifkan (dipertanggungjawab) bukan sahaja dalam perkara muamalat harian malah dalam perlakuan jenayah yang dilakukan.⁸ Dalam perundangan syariah yang digunakan di negara kita, terdapat seksyen yang menyatakan bahawa tiada menjadi kesalahan apa-apa juga yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum *baligh*.⁹ Hasil rujukan dibuat, istilah kanak-kanak tidak ditafsirkan secara jelas dari sudut umur dalam perundangan syariah kecuali menyentuh soal *baligh* sahaja.

Terdapat empat peruntukan yang berlainan mengenai maksud *baligh* dalam perundangan jenayah syariah negeri iaitu¹⁰:

⁶ Alwi Hj. Abdul Rahman, Jenayah Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1999, hlm 7.

⁷ Prof Madya. Dr. Abdul Basir bin Mohamad, *Hukuman bagi Jenayah/Kesalahan Qisas, Hudud dan Tak'zir ke atas Juvana: Perbahasan Ulama*, Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Juvana Menurut Perseptif Islam, Anjuran IKIM dengan Kerjasaman Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 10-11 Februari 2004, Dewan Besar IKIM, Kuala Lumpur, hlm 2-3.

⁸ Wafaa' Yusof, *Perlakuan Jenayah Kanak-Kanak*, Al-Syariah Jilid 4 Fiqh Jenayah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2008, hlm 42.

⁹ Seksyen 51 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).

¹⁰ Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof, *Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia*, KANUN Jurnal Undang-Undang Malaysia, (Jun 2012), 24 KANUN (1), hlm 6-7.

1. *baligh* secara umum yang menunjukkan kanak-kanak sudah sampai umur;
2. *baligh* apabila seseorang yang sudah mencapai umur 12 tahun kamariah;
3. *baligh* apabila seseorang yang berumur 15 tahun ; dan
4. *baligh* serta berakal menandakan sudah sampai umur.

Bagi memberi gambaran yang lebih jelas dari sudut prinsip syariah, rujukan dibuat kepada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002, iaitu enakmen yang telah diluluskan di peringkat Dewan Undangan Negeri Terengganu tetapi belum dikuatkuasakan, terdapat peruntukan berkaitan dengan tafsiran (seksyen 2) dibuat kepada makna *mukallaf* iaitu seseorang yang sudah mencapai umur 18 tahun dan sempurna akalnya. Ini bermakna, mengikut peruntukan tersebut, mereka yang belum mencapai 18 tahun tidak dikenakan hukuman mengikut hukuman hudud dan qisas.

Secara umumnya, seseorang itu dianggap sebagai melakukan kesalahan jenayah apabila memenuhi unsur-unsur jenayah sama ada dalam undang-undang Islam maupun sivil. Dari sudut perundangan Islam, umumnya konsep *mukallaf* amatlah dititiberatkan dalam hubungan seseorang dengan kesalahan jenayah yang dilakukan. Oleh itu, dalam perbahasan unsur-unsur jenayah oleh kanak-kanak, pemahaman konsep ini perlu ditekankan bagi mendapat hasil perbincangan yang betul-betul relevan dengan persoalan perlakuan jenayah oleh kanak-kanak. Jika unsur perundangan dapat dibuktikan, tetapi unsur fizikal dan unsur mental tidak dapat dibuktikan, maka Islam menolak perlakuan tersebut sebagai jenayah. Setiap jenayah perlu kepada pelakunya, dan pelakunya pula hendaklah berkait rapat dengan unsur tanggungjawab jenayah terutamanya unsur mental. Dalam hal ini, perlakuan jenayah oleh kanak-kanak tidak boleh dianggap sebagai perbuatan jenayah kerana ciri yang paling penting tidak dapat dipenuhi iaitu konsep *mukallaf*.

Memandangkan kerangka undang-undang syariah di Malaysia juga digubalkan dengan mengambil beberapa pandangan perundangan sivil, rujukan juga dibuat secara umum ke atas undang-undang sivil terutamanya pemakaian tafsiran pesalah muda dan kanak-kanak. Akta Kanak-Kanak 2001 menyatakan bahawa istilah pesalah kanak-kanak merujuk kepada seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah dan berhubung dengan prosiding jenayah, ertiya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 82 Kanun Keseksaan.¹¹ Seksyen 82 tersebut menyebut “Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa juga yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur kurang daripada sepuluh tahun”.

4. HUKUMAN ALTERNATIF KE ATAS PESALAH MUDA MENURUT PRINSIP SYARIAH SERTA PENGAPLIKASIANNYA DALAM KONTEKS DAN KERANGKA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG SYARIAH MALAYSIA.

Amalan mahkamah syariah dalam menjatuhkan hukuman terhadap pesalah muda adalah berpandukan kepada seksyen 128 yang telah dibincangkan sebelum ini. Hasil temubual dengan beberapa orang hakim syarie di negeri Terengganu dan Pulau Pinang kebanyakannya mereka bersetuju pendekatan yang dibuat dengan memerintahkan pesalah muda tersebut dilepas dengan bon berkelakuan baik dengan tempoh tidak melebihi dua tahun serta dengan syarat jaminan seperti ibu bapa sebagai penjamin dan tidak melakukan apa-apa kesalahan yang berulang dengan dalam tempoh jaminan tersebut. Terdapat

¹¹ Seksyen 2, Akta 611.

juga hakim syarie yang menambahkan syarat jaminan dengan menetapkan satu amaun wang jaminan perlu dibayar oleh pesalah muda bagi memastikan bon berkelakuan baik dipatuhi.¹²

Walau bagaimanapun, terdapat negeri yang mengambil pendekatan dengan menghantar pesalah muda ini ke pusat pemulihan. Menurut Yang Arif Tuan Kamalruazmi bin Ismail, pendekatan di negeri Terengganu selain dilepaskan dengan bon berkelakuan baik, terdapat pesalah-pesalah tersebut dihantar ke Pusat Pemulihan Akhlak Baitul Ehsan di Selangor terutamanya pesalah muda wanita berdasarkan peruntukan seksyen 68 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 yang membenarkan ditahan tidak melebihi 6 bulan.

Terdapat juga penghakiman yang telah dibuat, dengan memerintahkan pesalah muda membayar denda. Rujukan boleh dibuat dalam kes *Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan lwn. Siti Nurazniza binti Kamaruddin*¹³ Orang Kena Tuduh (OKT) dalam kes tersebut merupakan pesalah muda dan telah didakwa dibawah kesalahan melakukan persetubuhan luar nikah, Seksyen 23(2) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Kesalahan telah dilakukan dari bulan Januari 2008 hingga Disember 2008 dan semasa OKT berumur kurang daripada 15 tahun. Tangkapan pula dibuat semasa OKT berumur lebih kurang 16 tahun. OKT telah mengaku salah dan sabitan telah dibuat atas pengakuan tersebut. Hakim bicara, YA Tuan Mohd Amran bin Mat Zain, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah menjatuhkan hukuman ke atas OKT dengan denda sebanyak RM2,700 dan diperintahkan berkelakuan baik di bawah pengawasan penjamin yang merupakan ahli keluarga dalam tempoh 6 bulan serta diperintahkan menghadirkan diri ke Mahkamah di hadapan Pegawai Suhu untuk pemantauan pekembangan, perubahan sikap dan sesi kaunseling setiap 3 bulan sekali.

5. HUKUMAN ALTERNATIF KE ATAS PESALAH MUDA MENURUT PRINSIP SYARIAH.

Dalam memahami prinsip syariah berkaitan dengan sesuatu hukuman yang dijatuhkan, ianya adalah untuk memastikan konsep *maqasid al-Syariah* (Objektif Syariah) dilaksanakan serta dipatuhi. Perbahasan berkaitan dengan hukuman-hukuman alternatif dalam Islam, sebagai contoh dalam kesalahan hudud, tidak boleh dikenakan hukuman hudud jika tidak memenuhi syarat-syarat untuk pembuktian kesalahan hudud tersebut tetapi boleh dikenakan hukuman takzir berdasarkan elemen-elemen yang ditetapkan. Begitu juga dengan pesalah muda, boleh dikenakan hukuman alternatif lain selain bon berkelakuan baik, denda ataupun amaran tertakluk kepada hak pemerintah menetapkan hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan.

Hukuman alternatif mengikut prinsip syariah juga berkait rapat dengan hukuman takzir. Ahmad Mohamed Ibrahim¹⁴ menjelaskan bahawa takzir kesalahan yang tidak ditetapkan kadarnya oleh hukum syarak tetapi ditetapkan oleh kerajaan atau hakim mengikut budibicaranya. Semua

¹² Temu bual bersama Yang Arif Tuan Haji Rosdi bin Harun dan Yang Arif Tuan Kamalruazmi bin Ismail, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu pada 14 Disember 2016 bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu dan temu bual bersama Yang Arif Tuan Zaim bin Md Yudin Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pulau Pinang pada 20 Disember 2016 dan Tuan Muhammad Ridhuwan bin Ibrahim Hakim Mahkamah Rendah Syariah Pulau Pinang pada 23 Disember 2016 bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang.

¹³ Kes Jenayah Syariah: 14200-142-0104-2009, Jurnal Hukum JLD. 32 BHG. 1. JH(1432H) Mac 2011M, hlm 141-153.

¹⁴ Ahmad Mohamed Ibrahim, *Islamic Criminal Law. The Administration of Islamic Law In Malaysia*, Institut of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 2000, hlm 577-584.

perbuatan yang boleh menjaskan kepentingan, keamanan, ketenteraman dan kesusilaan awam yang tidak ditetapkan hukuman di bawah hudud dan qisas boleh di hukum di bawah kesalahan takzir.

Menurut istilah ahli fiqh, takzir ialah hukuman terhadap kesalahan tertentu yang tidak ditetapkan oleh Allah SWT bentuk dan kadarnya secara jelas, sama ada dalam al-Quran ataupun Sunnah.¹⁵ Walaupun hukumannya tidak dinyatakan, tetapi dapat difahami bahawa seseorang pesalah itu perlu dikenakan hukuman kerana telah melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah SWT. Dalam erti kata lain, takzir ialah hukuman yang dikenakan oleh hakim mengikut budi bicaranya berdasarkan kemaslahatan tertentu.¹⁶ Skop jenayah dalam bahagian ini lebih luas dan merujuk kepada mana-mana jenayah selain hudud dan qisas.¹⁷

Paizah Haji Ismail¹⁸ menyatakan bahawa tujuan utama pelaksanaan hukuman takzir dalam syariat Islam ialah pencegahan di samping pemulihan dan pendidikan. Oleh itu, beliau menegaskan menurut para fuqaha, takzir disyariatkan untuk tujuan pembersihan dan pemulihan iaitu dengan membetulkan diri pesalah dan membersihkannya dari segala kekotoran jenayah sehingga dengan itu dia akan menjadi seorang yang bersih dan terselamat dari dorongan jenayah dan termasuk dalam golongan orang-orang yang berguna kepada masyarakat.

Syariat Islam tidak menjelaskan secara terperinci jenis takzir yang sesuai dikenakan ke atas kanak-kanak. Tugas ini diserahkan kepada budi bicara kadi atau hakim, tetapi fuqaha sependapat mengatakan bahawa takzir secara marah dan pukul layak dikenakan ke atas kanak-kanak. Kadi atau hakim boleh menjatuhkan takzir yang sesuai ke atas kanak-kanak, seperti marah, pukul, menyerahkannya kepada pusat pemulihan atau meletakkannya di bawah pengawasan yang khusus dengan tujuan untuk membaiki akhlak dan menjauhkannya dari persekitaran hidupnya yang merosakkannya.¹⁹

Sebagai contoh, Haji Said Haji Ibrahim²⁰ menyatakan bahawa kanak-kanak lelaki yang belum *baligh* yang melakukan persetubuhan haram dengan perempuan yang sudah *baligh* tidak boleh dikenakan hukuman hudud sebagaimana yang dikenakan ke atas orang yang berzina, tetapi hendaklah dikenakan ke atas kanak-kanak itu hukuman takzir, jika kanak-kanak tadi sudah *mumaiyiz*, kerana dalam kes zina, *baligh* adalah di antara syarat yang mewajibkan seseorang yang berzina itu dikenakan hukuman hudud.

Dapat difahami bahawa, dalam membahaskan hukuman alternatif mengikut prinsip syariah, perkara utama yang paling asas ialah hak pemerintah bagi menjatuh hukuman sama ada bentuk pembalasan atau pemulihan. Asas yang lain pula, melihat kepada orang yang melakukan kesalahan

¹⁵ Mohamed S. El-Awa, *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam : Satu Kajian Perbandingan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1999, hlm 145.

¹⁶ Lukman Abdul Mutalib et al, *Tafsir Maudhu'iy Hudud, Qisas dan Ta'zir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2014, hlm 143.

¹⁷ Hamid Jusoh, *Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia*, Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia, Undang-Undang Islam, Jenayah, Keterangan dan Prosedur. Jilid 13, 2007, hlm 30.

¹⁸ Paizah Haji Ismail, *Undang-Undang Jenayah Islam*, Dewan Pustaka Islam, Selangor. 1996, hlm 256-257.

¹⁹ Alwi Hj. Abdul Rahman, *Jenayah Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1999, hlm 130.

²⁰ Haji Said Haji Ibrahim, *Qanun Jinayah Syari'yyah dan Sistem Kehakiman Dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran dan Hadith*, Darul Ma'rifah, Kuala Lumpur, 1996, hlm 41.

tersebut seperti pesalah kanak-kanak (pesalah muda dalam konteks undang-undang syariah di Malaysia). Hukuman dalam takzir tidak ditetapkan oleh undang-undang. Oleh sebab itu, terpulanglah kepada kebijaksanaan kadi untuk menentukan bentuk dan cara hukuman yang akan dikenakan. Hukuman yang mengikut kebijaksanaan kadi ini diberi berdasarkan pertimbangan khas daripada pelbagai faktor yang mempengaruhi perubahan sosial dalam tamadun manusia, dan faktor yang berdasarkan perubahan pola perlakuan atau jenis perbuatan jenayah yang boleh didakwa di bawah undang-undang.²¹

6. PENGAPLIKASIANNYA DALAM KONTEKS DAN KERANGKA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG SYARIAH MALAYSIA.

Penyelidikan ini melihat, hukuman yang bersifat takzir banyak digunakan di dalam peruntukan undang-undang syariah di Malaysia. Mohd Nazri bin Haji Abdul Rahman²² dalam memetik pandangan Siti Zubaidah Ismail, menyatakan bahawa dalam konteks mahkamah syariah, istilah hukuman alternatif boleh memberi pelbagai maksud, antaranya ialah:

- i. alternatif atau ganti kepada kegagalan membayar denda yang dikenakan, maka sebagai alternatif pesalah akan dipenjarakan; atau
- ii. ganti hukuman lain yang difikirkan sesuai apabila membabitkan pesalah kali pertama dan juga pesalah juvana, tertakluk kepada bon jaminan yang dikeluarkan;
- iii. pusat pemulihan akhlak atau pemulihan akidah di pusat bimbingan Islam sebagai ganti hukuman asal (setakat ini hanya wujud di Selangor).

Penyelidik melihat, di mahkamah syariah, hukuman alternatif ini telah digunakan terhadap pesalah muda. Seksyen 128 telah menyatakan secara jelas prinsip hukuman alternatif yang lebih kepada pemulihan bukannya pembalasan. Seksyen tersebut jelas menyatakan bahawa, mereka yang tergolong di bawah pesalah muda tidak boleh dikenakan hukuman pemerjaraan sama ada hukuman berbentuk penjara ataupun kegagalan membayar denda. Walau bagaimanapun, seksyen tersebut hanyalah terhad kepada dua alternatif hukuman utama sahaja iaitu teguran wajar dikenakan atau dilepaskan dengan bon berkelakuan baik dengan syarat-syarat tertentu. Dari sudut kerangka perundangan syariah, kuasa berbentuk takzir telah digunakan oleh pemerintah bagi memastikan pesalah muda ini dikenakan hukuman bersifat pemulihan.

7. PENETAPAN HAD UMUR PESALAH MUDA DALAM KES JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA: ANALISIS PERMASALAHAN DAN DAPATAN

Hasil kajian mendapati tiada penyelarasan manapun penyeragaman dalam isu penetapan had umur pesalah muda antara prinsip syariah dan peruntukan undang-undang syariah di negara ini. Sebelum tahun 2006 tidak berlaku penyeragaman dari sudut tafsiran pesalah muda dan had umur yang digunakan. Penyelidik mendapati ketiadaan penyelarasan dan penyeragaman had umur pada ketika itu sebenarnya berpunca daripada ketidakseragaman penetapan had umur dari sudut prinsip syariah mengikut pandangan mazhab-mazhab dan perbahasan dari sudut kefahaman istilah *baligh*. Walau bagaimanapun bermula tahun 2006 hingga 2014 penyeragaman telah berlaku dengan penerimaan

²¹ Abdul Rahman I, Doi, Undang-Undang Syariah. Penterjemah, Rohani Abdul Rahman, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm 293.

²² Mohd Nazri bin Haji Abdul Rahman, *Hukuman Alternatif Dari Perseptif Mahkamah Syariah*, Jurnal Hukum JLD. 39 BHG 1 JH (1435H), Ogos 2104M, hlm 6.

negeri Perlis dan Kedah hasil pindaan Enakmen Tatacara atau Prosedur Jenayah Syariah negeri-negeri tersebut.

Pada ketika had umur pesalah muda belum diselaraskan di negara ini, keadaan ini menjadi tidak menentu apabila had umur pesalah kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 ditentukan pada umur 18 tahun ke bawah. Ketidakseragaman tafsiran had umur di mahkamah syariah pada ketika itu telah mengundang suatu pendekatan agar had umur 18 tahun turut digunakan di mahkamah syariah juga mengikut pandangan sebahagian fuqaha yang dilihat selari dengan Akta Kanak-Kanak 2001 tersebut.

Berdasarkan perbincangan tersebut, dapat disimpulkan, umur pesalah muda yang diguna pakai dalam undang-undang tatacara jenayah di mahkamah syariah adalah gabungan antara undang-undang Islam dan sivil iaitu dititikberatkan konsep *mumaiyiz* dan *baligh* serta diharmonikan dengan penerimaan umur dalam akta-akta sivil. Realiti semasa yang digunakan di mahkamah syariah umur pesalah muda berdasarkan umur *baligh* dan semua undang-undang tatacara jenayah negeri-negeri menerima tafsiran pesalah muda, mereka yang berumur 10 tahun hingga 16 tahun.

Penyelidik lebih bersetuju dengan tafsiran yang digunakan sebagai umur *mukallaf* sebagai pesalah muda di mahkamah syariah iaitu seperti yang terkandung dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002 walaupun enakmen tersebut belum dikuatkuasakan. Penyelidik cenderung kepada pandangan ini adalah kerana, antara faktor yang perlu diberi perhatian ialah perbezaan tafsiran di antara negeri-negeri dalam mentafsirkan maksud *baligh* seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Sewajarnya digunakan umur yang paling maksima yang boleh diterima sebagai pesalah muda asalkan masih di bawah pandangan *Ahlu al-Sunnah wa al-Jamaah*. Selain itu, kebiasaan hakim bicara akan melihat kepada genap umur pesalah muda tersebut berdasarkan tarikh lahir dalam menentukan sama ada tertuduh dikira pesalah muda atau pesalah dewasa. Menjadi “kerumitan” dalam menjatuhkan hukuman jika terdapat dua atau lebih tertuduh yang didakwa mempunyai persamaan tahun dilahirkan tetapi berbeza tarikh kelahiran bagi tujuan pengiraan umur pesalah muda.

Kajian turut mendapati tiada penyelarasan dan penyeragaman dalam isu hukuman alternatif yang bersesuaian dikenakan ke atas pesalah muda yang telah disabitkan. Berkaitan dengan hukuman yang dijatuhkan, Penyelidik mendapati terdapat perbezaan pendekatan yang digunakan walaupun asas yang digunakan merujuk kepada seksyen 128. Hasil penelitian dan temubual serta rujukan kes yang dilakukan terdapat beberapa bentuk hukuman yang dikenakan, antaranya:

1. Dikenakan denda mengikut had denda kesalahan yang dilakukan tanpa dikenakan hukuman alternatif penjara jika gagal bayar denda;
2. Diberi teguran wajar;
3. Dilepas dengan bon berkelakuan baik dengan syarat-syarat tertentu dan syarat-syarat berbeza seperti tempoh bon serta ditetapkan duit jaminan dalam tempoh jaminan tersebut;
4. Dihantar ke pusat pemulihan akhlak dengan tempoh tidak melebihi 6 bulan kebiasaan pesalah muda wanita.

Hasil penyelidikan lapangan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, Penyelidik mendapati, sebenarnya ketidakseragaman pendekatan hukuman ke atas pesalah muda yang berlaku di mahkamah syariah pada hari ini adalah disebabkan kerana prinsip syariah berkaitan hukuman takzir ke atas pesalah didapati terlalu umum dan memberi ruang kepada hakim untuk menggunakan pendekatan hukuman yang berbeza serta tidak seragam. Penyelidik menghujahkan keadaan tersebut telah menyumbang kepada ketidakselarasan dan ketidak seragaman hukuman alternatif yang dijatuhkan ke atas pesalah muda.

8. KESIMPULAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN

Justeru, dalam isu berkaitan had umur pesalah muda, Penyelidik mendapati peruntukan undang-undang berkaitan had umur belum diseragamkan dengan mengambil pandangan para fuqaha yang lebih serasi dan selamat untuk diaplikasikan dalam kes-kes jenayah syariah yang melibatkan pesalah muda di negara ini. Walau bagaimanapun, Penyelidik mendapati proses penyelarasan dan penyeragaman had umur tersebut secara penggubalan undang-undang telah bermula dari tahun 2006 sehingga 2014. Akhirnya, Penyelidik mendapati peruntukan berkaitan telah diselaraskan sepenuhnya dengan menggunakan tafsiran pesalah muda, mereka yang berumur 10 tahun hingga 16 tahun.

Berkaitan isu hukuman alternatif ke atas pesalah muda yang melakukan kesalahan jenayah syariah di negara ini, Penyelidik mendapati bahawa, ketidakseragaman hukuman alternatif yang dikenakan ke atas pesalah muda masih berlaku sehingga kini. Akhirnya, Penyelidik mencadangkan agar kedua-dua prinsip syariah dan peruntukan undang-undang syariah negara diselaraskan serta diseragamkan dalam isu penetapan had umur serta hukuman alternatif yang setimpal dan bersesuaian bagi pesalah muda. Ini penting dalam memastikan hukuman yang bakal dikenakan bersifat retributif dan rehabilitatif.

RUJUKAN

- Abdul Rahman I, Doi. 1995. Undang-Undang Syariah. Penterjemah, Rohani Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 2000. *Islamic Criminal Law.The Administration of Islamic Law In Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut of Islamic Understanding Malaysia (IKIM).
- Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).
- Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560).
- Alwi Hj. Abdul Rahman. 1999. Jenayah Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anita Abdul Rahim & Wafaa' Yusof. 2012. Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia. KANUN Jurnal Undang-Undang Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Perlis) 2006.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Terengganu) 2001.
- Haji Said Haji Ibrahim. 1996. Qanun Jinayah Syari'yyah dan Sistem Kehakiman Dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran dan Hadith. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Hamid Jusoh. 1992. Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia, Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia, Undang-Undang Islam, Jenayah, Keterangan dan Prosedur, Jilid 13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Lukman Abdul Mutalib et al. 2014. *Tafsir Maudhu'iy Hudud, Qisas dan Takzir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed S. El-Awa. 1999. *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Satu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nazri bin Haji Abdul Rahman. 2014. *Hukuman Alternatif Dari Perseptif Mahkamah Syariah*, Jurnal Hukum JLD. 39 BHG 1 JH (1435H) Ogos 2014M. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Ordinan Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sarawak) 2001.
- Paizah Haji Ismail. 1996. *Undang-Undang Jenayah Islam*. Selangor: Dewan Pustaka Islam.
- Prof Madya. Dr. Abdul Basir bin Mohamad. 2004. *Hukuman bagi Jenayah/Kesalahan Qisas, Hudud dan Tak'zir ke atas Juvana: Perbahasan Ulama, Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Juvana Menurut Persepktif Islam*. Anjuran IKIM dengan Kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. 10-11 Februari 2004. Kuala Lumpur: Dewan Besar IKIM.
- Tuan Muhammad Ridhuwan bin Ibrahim, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Pulau Pinang. Temu bual, 23 Disember 2016.
- Wafaa' Yusof. 2008. *Perlakuan Jenayah Kanak-Kanak, Al-Syariah Jilid 4 Fiqh Jenayah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yang Arif Tuan Haji Rosdi bin Harun, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu. Temu bual, 14 Disember 2016.
- Yang Arif Tuan Kamalruazmi bin Ismail, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu. Temu bual, 14 Disember 2016.
- Yang Arif Tuan Zaim bin Md Yudin, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pulau Pinang. Temu bual, 20 Disember 2016.

Mohd Abu Hassan Abdullah
Pegawai Syariah,
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah.
Email: mahba@esyariah.gov.my

Prof. Madya Dr. Ahmad 'Azam Mohd Shariff
Pensyarah,
Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
Email: aazam@ukm.edu.my

Mohammad Azhan Yahya
Pensyarah,
Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
Email: azhan@ukm.edu.my